

Lengkapkan rumusan berdasarkan petikan.

Terdapat pelbagai jenis buah-buahan tempatan di negara kita. Buah-buahan ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu buah-buahan bermusim dan tidak bermusim. Antara buah-buahan tempatan termasuklah durian, rambutan, manggis, betik dan pisang. Buah-buahan tempatan ini banyak kebaikannya.

Antara kebaikannya ialah buah-buahan tempatan mengandungi pelbagai vitamin yang boleh menyihatkan badan. Contohnya, pisang baik untuk penghadaman di samping dapat mencerdaskan minda.

Buah-buahan tempatan mudah didapati dan harganya lebih murah berbanding buah-buahan import. Kita juga mempunyai banyak pilihan kerana buah-buahan ini sentiasa ada kecuali buah-buahan bermusim.

Selain itu, buah-buahan tempatan mempunyai rasa yang sedap. Buah-buahan ini boleh dijadikan jus atau pencuci mulut. Kini, buah-buahan seperti betik, pisang dan nanas sering menjadi pilihan untuk dihidangkan di restoran-restoran ataupun hotel-hotel terkemuka.

Kesimpulannya, kita digalakkan makan buah-buahan tempatan kerana mempunyai banyak kebaikannya. Selain menjimatkan kos, rasanya juga sedap dan pelbagai vitamin terkandung di dalamnya.

Malaysia kaya dengan buah-buahan. Buah-buahan ini terdiri daripada buah-buahan _____ dan _____. Buah-buahan tempatan mempunyai banyak kebaikan. Antaranya, buah-buahan tempatan mengandungi _____ yang baik untuk badan. Selain itu, buah-buahan tempatan _____ dan harganya _____. Buah-buahan tempatan ini mempunyai rasa yang _____. Oleh itu, buah-buahan ini boleh dijadikan _____ atau _____. Kesimpulannya, kita digalakkan _____ kerana buah-buahan ini sangat berkhasiat.

bermusim	tidak bermusim	mudah didapati
sedap	murah	pelbagai jenis vitamin
pencuci mulut	jus	makan atau membeli